

12 MAR 1997

Singapura-Kuan Yew (Analisis Berita)

APA TUJUAN LEE KUAN YEW?

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Pada bulan Jun tahun lepas Lee Kuan Yew telah mengusik sarang tebuan apabila beliau membayangkan kemungkinan Singapura dicantumkan semula dengan Malaysia sekiranya kena pada syarat-syaratnya.

Syarat-syarat yang diberikan oleh beliau itu termasuk Malaysia menerima pakai dasar "meritocracy" seperti yang diamalkan oleh Singapura tanpa memberi keistimewaan kepada mana-mana kaum dan Malaysia mencapai kejayaan yang serupa dengan negaranya dalam menuju kepada matlamat-matlamat untuk membawa faedah ekonomi yang maksima kepada rakyatnya.

Kenyataan yang nampaknya seperti gurauan Menteri Kanan dan bekas Perdana Menteri Singapura ini telah diperdebatkan dengan hangatnya oleh pihak tertentu di kedua-dua negara.

Dan Lee sekali lagi melakukannya. Kali ini beliau membuat apa yang disifatkan Pemuda Umno sebagai "luka lama berdarah kembali" kerana menyebut Johor sebagai sebuah negeri "yang terkenal dengan tembak-menembak, samun-menyum dan merampas kereta".

Lee patut menerima segala pujian dari segi kebolehannya mencetuskan idea dalam membangkitkan perkara seperti percantuman semula itu lebih dari 30 tahun selepas Singapura berpisah dengan Malaysia, dan pada ketika rakyat kedua-dua negara telahpun menganggap episod tersebut tidak boleh lagi diubah kembali.

Tetapi kontroversi percantuman semula itu telah membangkitkan sentimen keras daripada rakyat kedua-dua negara, malahan ramai rakyat Singapura menggunakan Internet untuk membuat tuduhan tidak berasas terhadap dasar Malaysia, termasuk soal meritokrasi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menunjukkan beliau langsung tidak boleh menerima kenyataan Lee mengenai percantuman itu dengan berkata bahawa ia adalah cara Singapura menggunakan Malaysia sebagai "hantu" bagi menakut-nakutkan rakyat Singapura dengan tujuan memperkukuhkan kedudukan Parti Tindakan Rakyat (PAP).

Sebenarnya, para pemerhati Singapura sudah biasa dengan tindak-tanduk seperti ini oleh Singapura setiap kali ia menghampiri pilihan raya umum, seperti apabila Lee membayangkan mengenai percantuman semula Malaysia-Singapura itu.

Beberapa penganalisis politik di Singapura memberitahu Bernama bahawa reaksi Dr Mahathir kepada keseluruhan isu percantuman ketika ia hangat diperdebatkan menunjukkan ketajaman beliau mengenai "agenda tersembunyi" Lee.

Dalam mengadakan syarat-syarat untuk apa yang dikatakan percantuman itu, Lee sebenarnya mahu berkata bahawa meritokrasi dan kerharmonian kaum tidak wujud di Malaysia.

Dr Mahathir, yang pernah belajar di sebuah universiti di Singapura, telah berkata bahawa sebenarnya Singapur adalah yang tidak mengamalkan meritokrasi kerana diskriminasi ke atas orang-orang Melayu di pulau republik itu sangat ketara.

Kata beliau maklumat balas yang diterimanya menunjukkan bahawa tidak terdapat orang Melayu di negara itu yang layak untuk menjadi juruterbang dalam Tentera Udara Singapura atau pegawai kanan kerajaan.

"Saya tidak percaya bahawa orang Melayu Singapura sebegitu bodoh, nmungkin saya silap, tetapi inilah maklum balas yang saya perolehi," kata Perdana Menteri.

Rakyat Malaysia mungkin hairan mengapa untuk kali keduanya dalam tempoh kurang dari setahun Lee menggunakan negara mereka untuk kepentingan dirinya sendiri dan juga PAP.

Menurut para penganalisa politik Singapura itu, Apabila Lee membangkitkan soal percantuman semula itu, agenda sebenar beliau ialah untuk menakut-nakutkan rakyat keturunan Cina yang merupakan penduduk terbesar pulau itu bahawa mereka mungkin terpaksa menyertai Malaysia semula sekiranya negara mereka tidak kekal bersatu, diurus dengan lebih baik dan lebih kompetitif.

"Ini cara Lee memberitahu rakyat keturunan Cina negara itu bahawa mereka tidak ada pilihan lain dan menyokong PAP atau menghadapi kemungkinan masuk berada di bawah Malaysia sekali lagi," kata seorang penganalisa.

Semalam, peguam Abdul Razak Ahmad mendedahkan di Johor Baharu mengenai kandungan affidavit Lee berhubung dengan samam malu terhadap anggota parti pekerja Singapura Tang Liang Hong.

Dalam affidavit itu Lee berkata beliau hairan kenapa Tang melarikan diri ke Johor sekiranya ia bimbang dengan keselamatannya di Singapura.

"Dari banyak tempat-tempat lain, dia (Tang) pergi ke Johor. Tempat itu (Johor) terkenal dengan tembak-menembak, samun dan merampas kereta. Tidak masuk akal bagi seorang yang mendakwa bimbang dengan keselamatan dirinya pergi ke tempat seperti Johor," kata Lee dalam affidavitnya itu.

Tang, yang melarikan diri sejeurus selepas kalah dalam pilihan raya pada 3 Jan lepas dengan alasan menerima ancaman bunuh ke atas dirinya dan keluarganya, turut hadir dalam sidang berita bersama dengan Razak di Johor Baharu semalam.

Seerti yang dikatakan oleh Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi dalam satu kenyataan hari ini, Lee telah dengan sombongnya melibatkan Malaysia ke dalam politik dalaman Singapura.

Kenyataan Lee Kuan Yew yang terbaru itu bukan sahaja menghina tetapi juga menggelikan dari satu segi lain.

Beliau telah menaburkan kebimbangan mengenai kedudukan keselamatan di negeri Malaysia yang terdekat dengan negaranya itu di mana rakyat Singapura sendiri merupakan jumlah pelabur yang terbesar.

Walaupun pemimpin tertua yang disegani dalam politik Singapura ini merupa satu-satunya anggota Kabinet yang amat faham dengan sensitiviti hubungan politik Malaysia-Singapura, kenyataannya itu menunjukkan bahawa beliau tidak sedikitpun hirau walaupun untuk menginggung Malaysia sekiranya inilah yang diperlukan untuk menyerang parti pembangkang di negaranya.

Beberapa penganalisis yang ditemuramah juga tidak faham dengan tujuan Lee menjatuhkan maruah Johor sedangkan Johor menyalurkan bekalan air yang penting kepada Singapura.

Seorang penganalisis kewangan berkata adalah sukar untuk memahami "mentaliti" Singapura. "Begitu ramai rakyat Singapura menyara hidup dari tempaian kemakmuran Malaysia, tetapi kita dapati ada keecenderungan di Singapura untuk melemahkan ekonomi Malaysia dengan menyebarkan khabar-khabar angin mengenai kejadian-kejadian negatif di Malaysia," katanya.

Katanya khabar-khabar angin yang dicetuskan di Singapura mengenai kesihatan pemimpin-pemimpin Malaysia sering disebar untuk menurunkan harga-harga saham Malaysia.

"Para penganalisis saham Singapura jarang sekali mempunyai kata-kata yang baik mengenai ekonomi Malaysia. Saya tidak tahu sama ada kita wajar sebutkan ini sebagai cemburu." katanya.

Pasang surut hubungan antara dua negara adalah perkara biasa tetapi apabila bekas seorang perdana Menteri seperti Lee Kuan Yew menjadi tidak sensitif dengan sengaja terhadap perasaan jiran terdekatnya membuat kita

merenung sama ada ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid wajar atau tidak
mensifatkannya sebagai "nyanyuk dan biadab". -- BERNAMA
AU SJ WAT